

# Awas bah besar

>>Oleh Mohammad Ishak dan Nojie Nadzirah  
am@hmetro.com.my

JERTIH: Penduduk negeri ini terutama yang tinggal di pesisiran pantai diminta bersiap sedia berdepan kemungkinan banjir besar pada hari ini dan esok berikutan berlakunya ombak besar disebabkan air pasang.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said berkata, jika air pasang dan hujan berterusan dikhuatiri banjir besar akan melanda di beberapa kawasan rendah negeri ini berikutan pertembungan kejadian itu.

Katanya, beliau mengarahkan semua agensi berkenaan mengambil tindakan segera menyelamatkan mangsa yang terbabat dengan banjir bagi memastikan tiada nyawa terkorban.

“Masalah logistik dan keperluan lain termasuk be-



DERAS...kanak-kanak mengharungi banjir ke pusat pemindahan di Balai Raya Kampung Langkap, Setiu.

Metro 25/12/12 NKS 11

kalan makanan, selimut, perubatan, pusat pemindahan dan bot lama disediakan pihak terbabit.

“Kami juga menyediakan peruntukan khas membina rumah baru jika mendapati mangsa banjir kehilangan tempat tinggal dalam ben-

cana berkenaan malah kerosakan jalan raya juga diberi perhatian,” katanya ketika melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Anak Ikan, Jabi, dekat sini, semalam.

Terdahulu Ahmad melawat dua pusat pemindahan ban-

dir di Sekolah Kebangsaan Tanjong Gelang, Tepoh, Kuala Terengganu dan Dewan Sivik Kampung Langkap, Setiu.

Beliau berkata, kerajaan bersiap sedia menghadapi banjir dengan menyediakan 347 pusat pemindahan.

## Amaran jingga

KUALA LUMPUR: Penduduk di beberapa daerah di Kelantan, Terengganu dan Pahang dihasi-hatkan mengambil langkah berjaga-jaga ekoran amaran hujan lebat peringkat jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), semalam.

Menurut JMM, hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di beberapa jajahan di Kelantan seperti Tumpat, Pasir Mas, Machang, Kota

Bharu, Bachok dan Pasir Puteh serta di beberapa daerah di Terengganu seperti Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman, dijangka berterusan sehingga hari ini.

Hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat di Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang juga dijangka berterusan sehingga Rabu ini dan menyebabkan banjir di kawasan rendah.

## Patuh arahan pindah

PUTRAJAYA: “Apabila diminta berpindah, kena akur. Jangan degil tak nak tinggalkan rumah, kata saya, pentingkan keselamatan nyawa dulu,” kata Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Norani Mohd Hashim menengulas langkah keselamatan pada musim tengkujuh yang mula melanda beberapa negeri.

Menurutnya, penduduk perlu faham arahan berpindah dikeluarkan pihak berkuasa biasanya dibuat selepas mendapati kawasan didiami tidak lagi selamat dan ketika itu tindakan terbaik yang perlu dilakukan adalah berpindah dengan segera.

“Kena ikut arahan, ia penting demi keselamatan nyawa diri sendiri dan keluarga,” katanya.